

# Sejarah Awal Bangi



Gambar hiasan: "Old Town Shoplots" (Azman Nor, 15 Ogos 2020: ["Plein air \(15 Ogos 2020\) sekitar Pekan Bangi Lama"](#)).

## 700-1200 SM: Latar Sejarah Purba: Sungai Langat

Bangi dan kawasan sekitarnya ialah sebahagian daripada lembangan Sungai Langat. Nama Sungai Langat adalah sempena sebuah pekan di muaranya. 'Langat' adalah terbitan istilah Minangkabau bermaksud 'air hangat', oleh kerana air di muaranya yang sentiasa hangat. Menurut sumber yang lain pula, namanya sempena ikan Selangat, yang sering ditangkap di sini.



Lembangan Sungai Langat ([Roslan Zainal Abidin](#), Mohd Sofiyon Sulaiman, Naimah Yusoff, 2017:

"Erosion risk assessment: A case study of the Langkat River bank in Malaysia")



Tebing Sungai Jugra (kini cabang Sungai Langat), 1874: "View of the Chinese village at Langat on the Jugra river. Straits Settlements, June 1874" (The National Archives UK, June 1874:

|

"CO 1069-484-126").

Antara petempatan terawal di sekitar Sungai Langat yang dapat disahkan oleh penemuan artifak sejarah, ialah di Jenderam Hilir: "kawasan perlombongan di Jenderam Hilir ini telah dibuat kajian oleh dua orang pengkaji, iaitu Brian C. Batchelor (1977) dan Leong Sau Heng (1977), hasil dari penggalian bijih timah di sini sejak 1969 yang berlokasi di tepi Sungai Langat di kawasan terbuka mereka menjumpai peralatan pada zaman Neolitik (Sebelum Masihi), iaitu peralatan alat beliong batu yang berbentuk segi bujur, alat batu untuk kerja mengisar dan menumbuk serta batu giling untuk mengasah artifek-artifek batu. Kegiatan membuat tembikar tanah juga dilakukan di Kampung Neolitik Jenderam Hilir. Serpihan tembikar juga banyak kedapatan yang ternyata tanah bagi tembikar-tembikar ini adalah tanah tempatan di Jenderam Hilir. Tapak di sini merupakan tapak pertama didiami oleh orang Neolitik dan pertama ditemui di Selangor. Pihak PADAT juga melalui Ketua Kumpulan Penyelidikunya Puan Intan mengesan (April 2012) lokasi yang dikaji Batchelor dan didapati kawasan kajiannya masih belum terganggu. Berdasarkan ujian radio carbon artifek ditemui yang tertua kira-kira berusia antara 1950 hingga 1830 tahun Sebelum Masihi.

...

Ada 4 tapak lombong bagi 4 Syarikat (sudah tidak bergiat) yang hampir bersambung antara satu sama lain. Kami ditunjukkan oleh Encik Zainuddin Kawasan Rembah Putera lokasi terawal kami sampai, maka dari lombong gali di sini paling banyak diketemui artifek-artifek seperti artifek tembikar Cina yang diketemui sedalam 70 kaki. Kemudian kami bertolak ke kawasan Tiga Sekawan, berikutnya Kawasan Rahman dan terakhir Galian Hamzah yang di sini diketemui Dayung Perahu. Kawasan penemuan artifek-artifek adalah dari kawasan lombong yang keluasan tanahnya dalam lingkungan 50 kilometer persegi yang berkedudukan 6 kilometer dari Dengkel dan 10 kilometer dari Putrajaya. Yang menariknya penemuan di tapak terbuka di sini bukan dari zaman Neolitik sahaja, iaitu dari peralatan batu, tetapi juga mencerminkan penempatan di tepi Sungai Langat di sini dari generasi-generasi berikutnya misalnya penemuan seperti bekas-bekas periuk yang diperbuat daripada tanah antaranya berkaki tiga yang menandakan dari zaman lebih kemudian dari Neolitik dan dari zaman yang lebih

kemudian lagi diketemui bahan-bahan seramik yang mempunyai kaitan dengan tradisi pembuatan di beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu dan Selatan dan Barat Thailand. Tembikar sedemikian tidak diketemui di luar dari kawasan tersebut. Lebih menarik kesinambungan dari zaman itu diketemui artifek-artifek seperti kendi, mangkuk seramik, mangkuk gangsa yang menunjukkan ada hubungan dagang masyarakat di Jenderam dengan luar yang menurut Batchelor (1977) mangkuk gangsa dikenal pasti penggunaan antara 700 dan 1200 Selepas Masihi. Jumpaan timah dalam bentuk wang membuktikan masyarakat di Jenderam mempunyai hubungan dagang dengan luar. Jenis wang sedemikian memang diketemui di Lembah Kelang yang digunakan pada awal 1511. "



(Sumber: Dr Shafie Abu Bakar, February 28, 2013:

"Membongkar Sejarah Purba Selangor - Lokasinya Di Jenderam").

## 1742-1883: Latar Sejarah Kolonial: Ulu Langat dan Semenyih

**Daerah Ulu Langat:** "Selangor had become the political domain of the Bugis with the proclamation of the first Sultan in 1742 (see Gullick, 1960) and had its northern boundary extended to the Bernam valley following the Anglo-Siamese Treaty of 1826. Its southern extension into Lukut, where tin mining in the first half of the nineteenth century had turned it into the richest part of state, was only formalized with the advent of British protection in 1874. In 1883 the Lukut district was exchanged for the Semenyih valley and became part of Negeri Sembilan (see Radcliffe, 1969). This year too marked

*the beginning of Ulu Langat as a district under effective British administration.*" (Voon Phin Keong @ Malaysian Journal of Chinese Studies, Volume 2, No.2, 2013:

|  
"Transforming the Development Frontier: Chinese Pioneers in the Ulu Langat District of Selangor, Malaysia", m.s.2-3).

## 1800-an: Latar Sejarah Semenyih

### Ringkasan

*"Semenyih menurut Raja Mahmud Penghulu Mukim Semenyih diasaskan oleh Tunku Sutan dan Mestika Malim, kedua-duanya berketurunan Rawa yang diberi kuasa untuk membuka tanah, mengutip cukai timah dan menetap di Semenyih oleh Toh Klana Jaya Putra. Semenyih semasa itu masih di bawah kekuasaan Semujong (negeri Sungai Ujong). Beberapa lama kemudiannya Tunku Sutan berpindah ke Beranang dan tinggallah Mestika Malim kekal menetap menjadi penguasa di Semenyih.*

*Nak dijadikan cerita Mestika Malim ini mempunyai seorang anak perempuan yang dikatakan mempunyai kecantikan yang luar biasa bernama 'Yang'. Kemudian anak perempuannya itu dipinang oleh Said Aman iaitu seorang menteri Toh Klana Jaya Putra, malangnya pinangannya di tolak oleh Mestika Malim. Said Aman yang kecewa dan malu telah mengadu kepada Toh Klana.*

*Toh Klana kemudiannya memberikan arahan kepada Said Aman dan Raja Hussein untuk mengumpulkan pengikut mereka dan untuk menyerang Mestika Malim di Semenyih. Mereka berjaya mengumpul seramai 200 - 300 orang dari Sungai Ujong. Dalam perjalanan jalan ke Semenyih mereka berhenti dahulu bermalam di Beranang.*

*Keesokan harinya mereka bergegas ke Semenyih untuk menangkap dan menyerang Mestika Malim yang telah dapat menghidu kemungkinan nasib malang yang akan menimpa dirinya, cepat - cepat melarikan diri ke Pahang membawa anak perempuannya yang jelita itu bersamanya.*

*Di sebabkan sakit hati dan marah mereka telah membakar hangus rumah Mestika Malim dan merosakkan seluruh kampung tersebut yang kemudiannya dijadikan kandang kerbau sahaja selepas itu.*

*Semenyih yang ditinggalkan begitu sahaja selepas peristiwa itu tanpa penguasa dan kemudiannya Toh Klana memberi arahan untuk Tunku Sutan yang menetap Beranang untuk berpindah semula ke Semenyih untuk menggantikan Mestika Malim sebagai penguasa di sana.*

*Sumber daripada buku Selections from the Selangor Journal. ... Terjemahan dan susunan semula oleh ajaizainal."*

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 27 Ogos 2025: "[Catatan Sejarah Daerah Kita. Kisah 'Yang' Wanita Tercantik Di Semenyih](#)").

### Sumber Asal

*"TRADITIONS OF ULU LANGAT*

*The following incidents are taken from statements made by Penghulus Raja Mahmud, of Semenyih, Said Yahya, of Cheras, and Jahya of Kajang, respectively, concerning the origin of the various settlements under their charge, and may be of interest to your readers. Of course I cannot be responsible for the statements made but have collected the information as it was otherwise likely to be lost, and as it may prove of some slight assistance to some future compiler of a history of the State. The only important omission is the early history of the settlement at Ulu Langat, which has not yet been written. It was formerly under the rule of the Toh Langat, who was, however, a personage of less importance than the Toh Unku Klang. The Dusun Tua (or "Old Orchard") at the Hot Springs was, it need hardly be said, originally planted by Sakais, but was appropriated by one Si Timah, a daughter of Toh Langat, who sold it to the "Towkay Bahru" of Ulu Langat. Toh Langat's boundaries are said to have been Sungei Sabak Dua, Bukit Blachan, Bukit Rang and Ginting Peras." (1897: [The Selangor Journal: Jottings Past and Present, Volume 5](#), hlm.305-306).*

*"Semenyih and Beranang. The Penghulu of Semenyih, Raja Mahmud, states:- Semenyih was founded about forty years ago, the founders being Tunku Sutan and Mestika Malim, both Rawa men, who were given authority to settle there by the Toh Klana Jaya Putra, Semenyih being then administered as part of Semujong territory. Shortly afterwards they separated, Tunku Sutan settling at Beranang and Mestika Malim remaining at Semenyih.*

*Now Mestika Malim got a daughter of supernatural beauty whose name was Yang, and her hand was sought by Said Aman, the Toh Klana's "Mantri," whose suit was, however, refused by Mestika Malim and who therefore appealed to Toh Klana. Toh Klana gave orders to Said Aman and Raja Hussein to fetch the girl, but they met with a point blank refusal from Mestika Malim, wherefore Toh Klana gave orders to Said Aman and Raja Hussein to collect their following and attack Mestika Malim.*

*Thereupon they took the field with a force numbering from two to three hundred men, and on their way to Semenyih stopped for a night at Beranang. Next day they proceeded to Semenyih, only to find that Mestika Malim had fled to Pahang, taking his daughter with him, and that not a soul was to be seen. They therefore had to content themselves with burning Mestika Malim's house to the ground, and the utter destruction of his "kampong." It was subsequently turned into a buffalo pen (kandang kerbau) which still exists.*

*Semenyih being thus deserted Toh Klana gave orders for Tunku Sutan to move thither from Beranang. But Tunku Sutan, fearing that as the Semenyih River was a tributary of the River Langat, it should rightly be considered as part of the Klang territory resolved to pay a visit to Bukit Jugra and obtain authority from the Sultan of Selangor. This he did, and H.H. approved his application, on the ground that Semenyih was in Klang territory. On his return journey he met the Tunku Panglima Raja and begged for provisions to take him back, and Tunku Panglima Raja gave him a koyan of rice. Thereafter Tunku Sutan remained at Semenyih under authority from the Sultan of Selangor, and commenced to keep buffaloes and plant padi, and Raja Hussein married Raja Miriam, Tunku Sutan's daughter, who was born in Pahang and who is still alive. After the marriage, Tunku Sutan delegated his authority to his son-in-law, who held it until the arrival of the English, when Raja Amin was sent to Semenyih and Raja Hussein to Beranang. Before this happened, however, when Toh Klana Yusop played false and refused to pay to Raja Hussein the hundred dollars a month which he had promised him for his assistance in the matter of the Klanaship, Raja Hussein resolved to separate from the Tok Klana, and did so on the grounds that Bukit Sepam was the immemorial boundary between the two States, and that the Beranang was a tributary of the Langat River.*


*Raja Amin was Penghulu at Semenyih for some years, when he was dismissed, and retired to Sri Menanti, and Raja Mahmud, the present Penghulu, took his place. The older name of Semenyih was Sungei Munyit, and the older name of Sungei Lalang, Sungei Langlang.*

*The first mine at Semenyih was started by a Hokien Chinese, Chay King, and the second by Towkay T. Man Jin (of Macao). - W.S."*

(Sumber: [The Selangor Journal: Jottings Past and Present, Volume 5](#), hlm.308).

Penulis catatan di atas: "W.S.": [Walter William Skeat](#): *"The initials 'W.S.' at the end of this article identify the author as W.W.Skeat, who had been District Officer, Ulu Langat, in the mid-1890's. Skeat dates the mine as c.1855. There is no direct evidence to link this venture with the prospector's report of a few years before."* (J.M. Gullick, 1998: ["A History of Selangor 1766-1939"](#), m.s. 39, 45-46).

## 1840-1850: Perlombongan Bijih Timah di Rekoh



Peta sekitar Bangi tahun 1877: selain Kajang, ketika ini hanya **Rekoh** ("Rekko") sahaja yang ada (kawasan sekitarnya, termasuk Semenyih dan Beranang, masih di bawah pengaruh Sungai Ujong), manakala mercu tanda yang terdekat adalah Bukit Tunggul. *"Map shows track from Seremban (Seremban) to Labu Valley surveyed by B. Douglas, HBM's Resident, Selangor"* (B. Douglas, H.B.Ms Resident, Selangor, 15/10/1877 @ National Archives of Singapore:

"Track From Seremban (Seremban) To Labu Valley").

**LATAR PERISTIWA: [Rekoh: 1840-1850-an: Perlombongan Bijih Timah](#)**

**LATAR PERISTIWA: [Sempadan Selangor-Negeri Sembilan \(1863-1880\)](#)**


## 1860-an: Kampung Sungai Merab

*"Kampung Teras Jernang merupakan kawasan perkampungan orang-orang Melayu dalam kawasan*

Bangi. Kampung ini telah diteroka kira-kira dalam tahun 1860-an. Sebelum kawasan ini diteroka oleh orang-orang Melayu, kawasan perkampungan ini didiami oleh Orang Asli. Orang-orang Melayu yang meneroka kawasan ini adalah terdiri dari orang-orang Kelang yang lari menyelamatkan diri semasa berlaku perang saudara di Selangor dalam tahun 1866-1873. Mereka telah memudeki Sungai Langat hingga kesatu kawasan yang dikenali sebagai Kuala Sungai Merab. Peneroka-peneroka tersebut telah diketuai oleh Dato' Saad bin Katib. Rombongan ini adalah terdiri dari kaum keluarganya. Apabila mereka sampai di kawasan Kuala Sungai Merab itu, didapati oleh mereka kawasan itu amat sesuai untuk dijadikan kawasan kediaman. Bermula dari waktu itu, kawasan tersebut telah dibersihkan dan dijadikan kawasan perkampungan." (Sumber: Habibah Ismail, 1982: "Sejarah Bangi (1870an - 1970an)". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. @ Harith Faruqi Sidek, 12 Jun 2025: "[Kampung Teras Jernang berusia sekitar 165 tahun.](#)").

**LATAR PERISTIWA: [Kampung Sungai Merab \(1860-an\)](#)**

## 1870-an: Kampung Sungai Buah



"Sungai Buah diceritakan orang dulu - dulu adalah tempat terawal peneroka awal Bangi mula berkampung setelah mereka melarikan diri daripada perang saudara di Sungai Ujong pada sekitar tahun 1874 - 75. Mereka berpindah menyusur Sungai Semenyih sampailah mendarat ke hilir Sungai Buah tempat yang terlindung dan selamat yang terletak di sempadan negeri Selangor dan negeri Sungai Ujong. Banyak keluarga penduduk asal Kg. Masjid Bangi dan Kg. Bahagia Bangi dahulu asalnya menetap sekitar Kg. Batu 24 (sekarang Sungai Buah Luar). Malah tanah perkuburan penduduk lama Bangi juga disini tempatnya. Rekod di Arkib Negara paling awal pernah admin jumpa setakat ini berkaitan Kampung Sungai Buah adalah pada tahun 1880 iaitu berkaitan status kedudukan Kampung Sungai Buah sama ada di bawah negeri Sg. Ujong ataupun negeri Selangor. Catatan ajaizainal" (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 28 Ogos 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Pertemuan Simpang Sungai](#))

Semenyih & Sungai Buah").

**MAKLUMAT LANJUT: Kampung Sungai Buah (1870-an)**

## 1870-an: Kampung Bangi



*"Foto Tahun 2003, lokasi belakang rumah Pak Long Musa, berdekatan rumah Cik Iti dan Masjid Bangi." (Kiri: Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:*

|

**"Sejarah Bangi"; Kanan:** (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 29 Oktober 2025: **"Nostalgia Bangi: Jelajah Sungai Bangi."**).

*"Si Bangi" - Asalnya daripada nama seorang Batin orang Asli yang bernama 'Si Bangi' yang dikatakan yang telah memberi kebenaran kepada peneroka awal Bangi yang diketuai Tambun Bin Perai, Haji Ismail, Abdul Rahman untuk membuka kampung di kawasan Bangi (kini Kampung Bangi) semasa mereka mencari tempat baru disebabkan penempatan mereka di Batu 24 (kini Sg. Buah Luar) sering diserang dan dimusnahkan oleh serangan gajah liar. Apabila kampung ini mula diterokai mereka sepakat menamakan tempat ini sebagai 'Bangi' sempena nama Batin tersebut yang telah berjasa membantu mereka. Ini merupakan fakta sejarah asal usul nama Bangi paling utama yang dipegang selama ini untuk menjelaskan asal usul makna perkataan Bangi yang mana kampung Bangi ini mula diteroka pada sekitar tahun 1876 setelah tamatnya era Perang Kelang 1873 dan Perang Sungai Ujong 1874.*

*Seperti adatnya asal usul nama sesuatu tempat, ada beberapa pendapat lain juga tentang asal usul nama Bangi ini seperti yang admin catatkan di bawah ini.*

*Ayer Bangis - Sebutannya 'Air Bangie' dalam bahasa daerah Pasaman Minangkabau. Nama Ayer Bangis ini adalah diambil daripada nama 'Bangie' sejenis tumbuhan yang hidup di pinggir - pinggir sungai. Dalam rekod sejarah Selangor perantau dari Ayer Bangis, Sumatera Barat adalah antara suku Melayu Sumatera terawal menetap di beberapa bahagian di dalam negeri Selangor seperti di Kuala Lumpur dan di juga di kawasan Hulu Selangor selain suku Mendailing, Rawa, Kerinci, Minang, Batu Baro dan sebagainya. Terdapat nama tempat Ayer Bangi di Sg. Choh Rawang yang merujuk kepada tempat asal usulnya peneroka kampung tersebut yang berasal dari Ayer Bangis Sumatera Barat.*


*Wangi - Perkataan ini asalnya daripada 'bau wangi' yang berubah dan kemudiannya disingkatkan menjadi 'Bangi'. Dikatakan pada waktu dahulu banyak tumbuh rumpun - rumpun serai wangi yang berbau wangi di sepanjang tebing Sungai Bangi.*

*Bange - Bunyi sebutannya juga sama dengan 'Bangi'. Bange atau Bangie atau tano bange adalah nama sejenis tanah liat putih dalam bahasa Mandailing. Ada beberapa tempat di tanah Mandailing dan di Asahan (Batu Bara) Sumatera menggunakan nama Bange sebagai nama desa mereka. Di daerah kita ini suku Mandailing adalah antara pelopor dan peneroka awal dari Sumatera paling giat dan berjaya dalam menjalankan perlombongan seperti di Rekoh, Semenyih, Kajang, Ampang dan juga Kuala Lumpur sebelum kehadiran pelombong dari Tanah Besar China kemudiannya. Bangai - Dikatakan diambil daripada perkataan 'bangai' atau 'terbangai' yang bermaksud terbuang atau yang disingkirkan. Perkara ini pernah dicerita oleh Allahyarhamah Hjh Yang Bte Hj Jamil (1928-2008) iaitu anak kepada Daeng Jamil yang merupakan cucu kepada Daeng Abdul Ghani iaitu anak kepada Sultan Abdul Samad. Dikatakan dalam masa-masa berlakunya pertelingkahan di Istana Klang, sebahagian dari warga istana telah dihalau oleh pihak Istana keluar. (Daeng Jamil lari ke Johor kerana menyaksikan masalah-masalah ini kemudian menetap di Tanjung Selabu, Muar). Mereka yang dihalau dari Istana telah terbangai (terbuang) ke sebelah tenggara Selangor di Daerah Hulu Langat. Tempat itu lalu dikenali sebagai tempat orang-orang istana yang terbangai atau terbuang, tersingkir. British pula mengeja dalam huruf ruminya "Bangi" iaitu terjemahan daripada huruf-huruf jawi dibaca sebagai 'Bangi'.*

*Catatan oleh ajaizainal Okt. 2025"*

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 15 Oktober 2025: **"Sejarah Asal Usul Nama Bangi"**).





Peta Sungai Bangi, termasuk muaranya di Sungai Semenyih (sekitar Bangi Ria kini), dan anak-anak sungainya (termasuk cabang utama iaitu Sungai Anak Bangi yang berpunca dari sekitar Bukit Puteri di timur laut UKM kini).

**Kiri:** Peta tahun 1962. Sungai Bangi dan anak-anak sungainya ditandakan biru muda (kombinasi peta-peta Director of National Mapping, Malaysia, 1962:

"Malaysia, Selangor, Kuala Lumpur, Series: L7010, Sheet 94, 1962, 1:63 360" dan

"Malaysia, Negri Sembilan, Selangor, Sepang, Series: L7010, Sheet 102, 1963, 1:63 360").

**Kanan:** Peta tahun 2025 (Mapcarta).

**MAKLUMAT LANJUT: Kampung Bangi (1870-an)**

## 1890-an - 1900-an: Perkampungan di Sepanjang Sungai Semenyih

*"Penempatan terawal yang dibuka di Semenyih ialah pada sekitar 1890an, iaitu di Jalan Sungai Lalang dan Jalan Bangi. Penempatan terawal ini dibuka oleh imigran dari Sumatera yang telah mula berhijrah*

ke Selangor sekitar 1880an. Ketua masyarakat akan mendapatkan perkenan dari Sultan Selangor untuk membangunkan kawasan yang mereka pilih, setelah diperkenankan sultan, mereka akan kembali ke Sumatera untuk mendapatkan tenaga manusia bagi membangunkan kawasan berkenaan lalu terus membentuk penempatan di kawasan berkenaan. Selepas Semenyih, kawasan seterusnya yang diterokai ialah Rinching, iaitu pada 1900an. Sumber: P.K Voon. Malay reservations and Malay land ownership in Semenyih and ulu semenyih mukims in Selangor. *Modern Asian Studies*, Vol 10, No. 4 (1976), pp.509-523 ( JSTOR)." (Harith Faruqi Sidek @ Kitab Tawarikh 2.0, October 11, 2015:

"Melayu Sumatera buka penempatan terawal di Semenyih?").

*"The area of study consists of four Malay Reservations forming three discontinuous areas extending over 900 ha. in the two mukims of Semenyih and Ulu Semenyih. As in most parts of Peninsular Malaysia, human occupation of the study area preceded the creation of Malay Reservations (M.R.). Indeed, some parts of the Sungei (Sg.) Lalang Road M.R. and the riverine strips of the Bangi Road M.R. were among the first to be colonized for cultivation and settlement in the 1890s, affecting about 20 ha. of land (Figure 1). In the 1900s, these two areas attracted increasing numbers of Malay settlers, and at the same time development began in the Rinching valley to the south. By 1908, about 250 ha. were developed under peasant agriculture. This phase of pioneering was largely dominated by Malay immigrants from Sumatra who first migrated into south Selangor in the 1880s along the valleys such as the Langat river just to the north of Semenyih mukim, and the Semenyih and Rinching valleys in the 1890s and 1900s. The normal pattern of colonization by these immigrants was for an enterprising headman to obtain the Sultan's permission to cultivate a pre-selected site. This leader then returned to his native village in Sumatra to recruit men to develop the land. Land that was suitable for rice, kampung and 'general' cultivation was invariably chosen, following the settlement and cultivation practice familiar to these migrants in their native homeland."*




Figure 1. Land Alienation in the Malay Reservations of Semenyih and Ulu Semenyih Mukims 1894-1940.

Figure I: Peta Semenyih 1894-1940

(Sumber: P. K. Voon @ Modern Asian Studies , Volume 10 , Issue 4 , October 1976 , pp. 509 - 523:

"Malay Reservations and Malay Land Ownership in Semenyih and Ulu Semenyih Mukims Selangor").

Peneroka awal sekitar Bangi, oleh warga Sumatera: "Development in Ulu Langat came later than many local areas in the Peninsula. Sumatran migrants were the first to penetrate the river valleys for rice and kampung cultivation. Sumatran migrants colonized the upper Langat River in the 1880s (see Radcliffe, 1969) and spread later to the Semenyih, Rinching and minor river valleys. These migrants were generally led by their enterprising headmen (Dato Dagang) who, with the Sultan 's permission, settled in pre-selected sites with followers from their native villages to pioneer padi, kampung, and "general" cultivation (see Gullick, 1960; Voon, 1976a)." (Voon Phin Keong @ Malaysian Journal of Chinese Studies, Volume 2, No.2, 2013:

"Transforming the Development Frontier: Chinese Pioneers in the Ulu Langat District of Selangor, Malaysia", m.s.6).

### 1898: Kampung Batu 5

"Kampung Batu Lima Bangi mula dibuka pada tahun 1898 oleh sekumpulan peneroka dari pulau jawa

yang diketuai oleh Tuan Haji Ali Mustapa, Tuan Kartorejo, Tuan Haji Sharkawi bin Haji Palil, Tuan Haji Khalil bin Haji Kasantawi dan Tuan Haji Rais. Kampung ini dinamakan Kampung Batu Lima kerana diambil sempena jarak sejauh lima batu dari pekan Semenyih, maka ia dipanggil Kampung Batu Lima Bangi." (Kampung Batu 5, Jalan Bangi, 5 Disember 2014:

### Sejarah Kampung)

"Kampung Batu Lima Bangi terletak di Jalan Bangi, Selangor. Pada tahun 1940-an nama kampung ini ada tercatat di dalam geran tanah penduduk tertua kampung. Rata-rata penduduknya adalah berbangsa Jawa suku Kendal dan Karanganyar yang berasal dari Jawa Tengah. Di antara mereka yang tertua di kampung ini yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada kampung terdiri daripada

1. Tn. Hj. Sangit Bin Jamal: Bekas Ketua Kampung
2. Tn. Hj. Noh: Bekas Imam (Status: Meninggal)
3. Tn. Hj. Rawi: Bekas Imam (Status: Meninggal)
4. Tn. Hj Hamdani Saw@As-Sanussi: Bekas Bilal (Status: Meninggal)
5. Tn. Hj. Mustanir: Setiausaha Surau/Amil (Status: Meninggal)
6. Cikgu Tn. Hj. Kahar: Pengerusi Surau
7. En. Abdul Rahman Saring: Amil II
8. Tn. Hj. Keliwoon: Ahli Jawatankuasa Kampung (Status: Meninggal).

Nama-nama mereka ini jika disebut sahaja semua orang kampung akan kenal kerana jasa dan sumbangan mereka dalam merancang kemajuan Kampung Batu Lima Bangi." (Adminbatulima, 11 Mei, 2015:

"Kampung Batu Lima Bangi: Hari Ini").





Kiri: "Sebelum(Dulu)". Kanan: "Selepas(Kini)".

"Rumah ini dibina pada tahun 1934. Rumah ini pernah menjadi tempat tinggal ketua kampung terdahulu. Menurut ketua kampung, En. Hamzah bin Jahid, rumah ini telah berusia kira - kira 80 tahun. Rumah ini telah diubah suai sebahagiannya tetapi bentuk asal masih dikekalkan." (Kampung Batu 5, Jalan Bangi, 13 Disember 2014:

"Mercu Tanda Kampung Batu Lima").

### 1901: Kampung Sungai Kembong Hilir





**Kiri:** Gambar sebuah rumah di Kampung Sungai Kembong Hilir, sekitar 1995-1996: “Nama kampung Sungai Kembong Hilir ini dikatakan diambil daripada nama sejenis rotan iaitu rotan kembung yang banyak tumbuh di sepanjang tebing Sungai Kembong yang mengalir jernih di dalam kampung ini ketika awal penerokaannya dahulu pada sekitar tahun 1901, di waktu yang sama jambatan keretapi merentasi Sungai Semenyih laluan Bangi - Batang Benar sedang dibina. Penduduknya kampung Sungai Kembong Hilir ini kebanyakannya adalah berketurunan Melayu Linggi, manakala kampung Sungai Kembong Hulu adalah berketurunan Melayu Bangkahulu@ Bengkulu. Sungai Kembong Hilir kini merupakan sebuah kampung tradisi di Bangi yang semakin berkembang dengan penduduk baru dan rumah-rumah baru yang dibangunkan di sepanjang kampung yang telah berusia lebih daripada 120 tahun ini. Foto 1995-96, sekitar 30 tahun yang lalu. Catatan ajaizainal.” (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 20 Oktober 2025: "[Sungai Kembong Hilir](#)").

**Kanan:** Gambar “Lombong Maghrib”, sebuah tasik bekas lombong berhampiran Desa Mahkota, Kampung Sungai Kembong Hilir, tahun 2003: “Sebuah Desa di Bangi. Orang Bangi kalau tengok bukit di belakang tu pun dah boleh agak di mana tempat ni berada. Ini antara penempatan atau kampung tradisi termuda di Bangi. Sekarang bukit belakang tu sebahagiannya dah hilang dek pembangunan baru. Lombong di sini cantik boleh di perindah dan diserikan lagi seperti lombong di Sg. Buah Luar. Dia umpama perempuan cantik yang tak berdandan dan tak perasan dia sebenarnya lawa juga. Foto 2003 koleksi ajaizainal.” (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 11 November 2025: "[Sebuah Desa di Bangi](#)"; Ruangan komen: “bukit yang nampak jelas tu tanah perkuburan Cina terletak pinggir jalan Bangi - Semenyih, bukit2 yang jauh dah jadi sebahagian Bangi Avenue.”).

## 1915: Kampung Rinching Hilir

“Kampung Rinching Hilir telah dibuka pada sekitar tahun 1915 oleh sekumpulan lima orang panglima dari Minangkabau, Sumatera. Antara nama panglima-panglima tersebut ialah Tok Pulut, Tok Jalik, Tok Mantau dan Tok Sayid. Para panglima ini datang berhijrah ke kawasan Kampung Rinching Hilir tanpa membawa bersama ahli keluarga mereka dan telah mendirikan pondok-pondok kediaman di kawasan yang berbukit.


Para Panglima dari Minangkabau ini adalah orang yang hebat dan kuat atau 'bagak' dalam bahasa Minangkabau. Ini kerana mereka tidak takut dan berganjak dari kawasan pondok kediaman mereka walaupun banyak harimau berkeliaran di kawasan itu terutama pada waktu malam. Selain itu, dikisahkan juga bahawa salah seorang daripada panglima itu telah berjaya menangkap ikan bujuk

dan sepat sebesar manusia ketika memancing di kawasan berpayu di sekitar kawasan kampung itu.

Sementara nama-nama tokoh yang berasal dari tanah Jawa pula ialah seperti Kiai Shukur, Hj Idris, Hj Sirat, Hj Sarkawi dan Hj Hussin.

Sejarah ini membuktikan bahawa Kampung Rinching Hilir adalah sebuah kampung yang didiami oleh dua etnik terbesar iaitu Jawa dan Minang.

Kampung Rinching Hilir mendapat nama amat berbeza dengan Kampung Rinching Tengah. Perkataan 'Rinching' sebenarnya membawa maksud saluran sungai yang merentasi kawasan kampung tersebut. Oleh kerana kampung tersebut terletak di kuala sungai itu, maka nama Kampung Rinching Hilir telah digunakan."



(Sumber: Portal Rasmi Kampung Rinching Hilir, 2015:

"SEJARAH").

## 1902-1906: Pekan Bangi



Gambar deretan kedai di Pekan Bangi, sekitar awal 2000-an: *“Pekan Bangi diasaskan pada tahun 1906, lokasi asal pekan ini adalah di tanah tebing sebelah Balai Raya Bangi jalan ke arah Sekolah Kebangsaan Bangi dan Stesen Keretapi Bangi.”* (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 19 Mac 2025: "[Sejarah Bangi](#)").

*“Pekan ini dibuka pada abad ke-20, kemungkinan pada sekitar tahun 1902 - 1905 . Pekan asal ini terletak bertentangan dengan stesen keretapi Bangi (sebelah dewan MCA Bangi mengunjur sampai ke sekolah lama Cina) , terdapat 18 buah kedai-kedai orang Melayu, India & Cina seperti kedai runcit, kedai songkok dan capal, kedai kopi, kedai candu, kedai timah, kedai getah dan sebagainya. Pekan ini mula berkembang serentak dengan pembukaan estet - estet getah & pembinaan stesen keretapi Bangi.*

.....

*Stesen Keretapi Bangi dibina pada tahun sekitar 1902 -1905 . Stesen ini dibina untuk memudahkan pengangkutan hasil getah dan bijih timah di kawasan ini. Stesen Baru pula dibina pada 1994 terletak 100 meter dari stesen lama. Kesan stesen lama boleh lagi dilihat sehingga kini yang terletak bersebelahan restoran Cina jalan menghala ke Sekolah Bangi. Laluan rel kereta Kajang - Bangi mula dibina pada 14 jun 1902 dan laluan Bangi - Batang Benar pula mula dibina pada 1 Feb 1903.”* (Faizal Hj Zainal, 2008: "[SEJARAH BANGI - Sejarah Awal Bangi](#)")

**MAKLUMAT LANJUT: [Pekan Bangi \(1902-1906\)](#)**

## 1905-1906: Pembukaan Ladang-Ladang



“Bangi dikelilingi 3 buah estet besar. Estet - estet ini telah dibuka sekitar 120 tahun yang lalu. Kini tanah - tanah ladang estet Bangi tersebut telah berubah menjadi kawasan penempatan baru yang makmur dengan puluhan ribu penduduknya menjadi 'Orang Bangi'.”

Bil	Ladang	Tahun Dibuka	Kini
1	<a href="#">Bangi Estate</a>	1905	Bangi Avenue
2	<a href="#">Broome Estate</a>	1906	Bandar Seri Putra Bangi, Perumahan Batu 6 Bangi & Bangi Awani
3	<a href="#">Bukit Tunggu Estate</a>	1906	Bukit Mahkota Bangi & Bandar Puteri Bangi

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 23 Jun 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Bangi dikelilingi 3 buah estet besar](#)").


## Peta Sekitar Bangi: 1904-1907




"Bangi di Peta1904"

"Potongan imej sebahagian peta lama ini memaparkan kawasan penempatan awal dan tanah yang telah dikhaskan untuk kemudahan awam di Bangi (bertanda hijau) iaitu meliputi kawasan Kampung Bangi, Pekan Bangi (bertanda merah) & Stesen Keretapi Bangi (bertanda STA). Nama sungai - sungai yang penting juga telah dicatat dengan lengkap seperti Sungai Bangi, Sungai Buah, Sungai Semenyih, Sungai Beranang dan Sungai Rinching. Peta yang diterbitkan pada tahun 1904 ini juga merupakan kali pertama nama Bangi tercatat dalam sesebuah peta rasmi yang pernah direkodkan. Di dalam peta ini juga belum ada tercatat lagi nama Bangi Forest Reserve (diwartakan 1906), Estet - Estet di Bangi (bermula 1905), Railway Reserve (diwartakan 1906) dan sebagainya. Kampung Bangi merupakan penempatan terawal di Bangi yang mula diterokai sekitar tahun 1876 setelah tamatnya Perang Kelang pada 1873 dan Perang Sungai Ujong pada 1874. Sumber Peta Lengkap: Selangor, Federated Malay States, 1904 / John Bartholomew & Co ; W.T. Wood, chief draftman. Edinburgh Geographical Institute, 1904. Yale University Library - Digital Collections. Catatan ajaizainal Okt.2025."

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 13 Oktober 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Bangi di Peta1904](#)").





**Kiri:** Kawasan Sekitar Bangi-Reko-Kajang, 1904 (Edinburgh Geographical Institute, 1904 @ Yale University Library - Digital Collections:

|  
"Selangor, Federated Malay States, 1904 / John Bartholomew & Co ; W.T. Wood, chief draftman").

**Kanan:** Kawasan Sekitar Bangi-Reko-Kajang, kini (Mapcarta).



Bangi dalam peta Selangor tahun 1907: "This plan (map) covers British Territories of Pulau Pinang, Province Wellesley, Dindings and part of Malacca, and Federated Malay States of Negri Sembilan, Selangor, Perak and Pahang showing state boundaries, mukim (district) names, mukim boundaries, towns, settlements, alienated lands with boundaries and names, hachures, hills (bukit), mountains (gunong), heights, rivers, islands, roads, tracks, railways..." (Revenue Survey Office Taiping, 1907 @ National Archives of Singapore:

"Compiled Plan of the Federated Malay States, 1907").

## 1910: Jalan Bangi-Semenyih





**Kiri:** 15 Ogos 1910: Jurutera pembinaan jalan Bangi-Semenyih memohon kerajaan negeri memperolehi tanah di batu ke-3 1/2 jalan tersebut, sebagai kesinambungan kepada [Jalan Reko](#) sebelum ini. (Arkib Negara 1957/0153039W, 15/08/1910:

"ACQUISITION OF LAND ON ON THE BANGI, SEMENYIH TRACK").

**Kanan:** "Kelihatan dua anak muda santai berbual sambil naik basikal, di handlenya disangkut sebungkus nasik lemak Che Lah. Lualan Jalan Bangi - Semenyih yang dah berusia 115 tahun ini masih berfungsi untuk penduduk tempatan dari zaman lualan lori balak dan traktor estet sampailah ke zaman kereta letrik sekarang ni. Dulu - dulu tebing belah kanan jalan penuh lagi dengan belukar dari depan rumah Muis sampai ke rumah Udin Ami sambung sampailah ke Batu 6, jalannya redup sampai tengahari. Nak cari kayu api sini jugaklah kawasannya dulu. Sekarang dah terang...ada ratusan rumah sedang dibina mencanak naik atas bukit tu. Rumah yang dibina 2025 akan guna jalan yang sama dibina tahun 1910, bila sesak nanti jangan salahkan pulak kenapa Kerajaan British Selangor dulu tak buat siap - siap jalan 4 lorong kat jalan Bangi - Semenyih ni. Foto sekitar 2005." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 30 Oktober 2025: "[Jalan Bangi - Semenyih](#)").

**LATAR PERISTIWA:** [Jalan Reko-Sepang](#).

## Peta Sekitar Bangi: 1920-an dan Kini





Kiri: Bangi, Kajang, dan Semenyih, 1920-an: *“Malaya Topographical Survey Sheet 3 F\_4\_Kajang covers parts of Seremban and Jelebu Districts in Negri Sembilan with portions of Kuala Langat and Ulu Langat Districts in Selangor, Malaya in 1920 showing contours, physical landscape, names of places, towns, kampongs, roads, railways, rivers, plantations, Kajang, and others”* (Survey Department, Singapore, 1927 @ National Archives of Singapore:

"Parts of Seremban and Jelebu Districts with portions of Ulu Langat and Kuala Langat Districts (Selangor), Kajang, Negri Sembilan").

Kanan: Kawasan yang sama, kini (Google Maps).

## 1948: Darurat

### Kegiatan Gerila Komunis



"Pada 75 tahun yang lalu iaitu pada 4 Ogos 1950 sebuah bas dalam perjalanan dari Kajang ke Dengkil telah ditahan dan kemudiannya dibakar oleh penganas komunis di Batu 25 1/2 (jalan di antara Sg. Buah Luar - Jenderam). Dalam tempoh 1949 - 1951 sahaja direkodkan sebanyak 13 buah bas telah dirompak dan dibakar oleh penganas komunis di dalam negeri Selangor termasuklah 3 buah bas di daerah kita ini. Kawasan Mukim Kajang merupakan salah satu kawasan hitam semasa era Darurat 1948 - 1960. Kelihatan dalam foto lama yang diwarnakan ini sebuah bas SUM berjenama Seddon dengan no. plate BC 48 di tahan untuk pemeriksaan keselamatan yang ketat di era Darurat. Syarikat Sum Omnibus Company telah didaftarkan sebelum tercetus Perang Dunia ke 2 lagi iaitu pada 21 April 1938 dan menamatkan operasinya pada Disember 2005 setelah 67 tahun memberikan jasa dan perkhidmatannya kepada penduduk daerah kita. Catatan ajaizainal Sept.2025" (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 3 September 2025: "[Catatan Sejarah Daerah Kita. Bas SUM Dibakar Komunis](#)").

**MAKLUMAT LANJUT: [Darurat \(1948-1960\)](#).**

## **Pembukaan Kampung Baru Cina**



**Kiri:** "Kampung ini diasaskan pada tahun 1948 semasa era Darurat, penduduk yang dipindahkan disini dikumpulkan dari beberapa buah penempatan di sekitar pinggir Stesen Keretapi Bangi, Kg. Batu 24 Sg. Buah, Kilang Batu Bata semenyih, Kg. Bukit Tunku. Kampung ini merupakan Kampung Baru Cina yang paling kecil di negeri Selangor. Binaan 8 deret rumah panjang dibangunkan di tanah yang asalnya merupakan kebun kelapa bersaiz 2 ekar yang terletak betul - betul di belakang Pekan Bangi di jalan menuju ke Kampung Bangi. Setiap lot rumahnya bersaiz 25 kaki lebar 35 kaki panjang yang berjumlah 44 unit unit rumah kesemuanya. Tanah ini asalnya dimiliki oleh tiga tuan tanah yang kemudian menuntut hak mereka kembali menyebabkan penduduk kampung ini berusaha berkongsi untuk membeli tanah milik Broome Estet bagi membina semula perkampungan baru mereka yang kemudian di namakan sebagai Kg. Aman Bangi yang terletak di tanah bukit belakang Pekan Bangi. Rumah - rumah penduduk dan kemudahan asas di Kg. Aman Bangi mula dibangunkan pada sekitar tahun 1994 di atas tanah seluas 32 ekar yang dibahagikan sebanyak 127 lot rumah dan 8 lot untuk gelanggang bola keranjang, tokong dan sekolah SJKC Yoke Min Bangi. Hampir 90% penduduk kampung ini berketurunan Low (Liu) yang punya pertalian persaudaraan. Di kenali juga sebagai 'Kampung Bola Keranjang' kerana telah melahirkan ramai pemain bola keranjang yang telah berjaya mewakili peringkat negeri dan kebangsaan." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 3 Ogos 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Kampung Baru Cina Bangi](#)").

**Kanan:** SJK(C) Yoke Min Bangi (Dong Zong, March 06, 2020:

|

"SJK(C) Yoke Min Bangi").

*"Kampung Baru Cina ini terletak betul-betul belakang Pekan Bangi yang dahulunya kebun Kelapa milik seorang cina bernama Law Lin, tempat ini dahulu lebih dikenali sebagai 'Bangi Village' ia wujud apabila Inggeris mengadakan kawasan Kg.Baru semasa Darurat dalam tahun 50an. Penduduk Cina disini berasal daripada kawasan bersebelahan Estet Bangi dan sebahagian lagi berasal dari Kacau, Broga dan Mantin.Pada tahun 90an berlaku kebakaran di sebahagian rumah panjang ini dan kebanyakan mereka membina kembali rumah mereka di kawasan bukit belakang Kedai Mara,tanah yang telah mereka beli daripada Broome Estate dalam tahun 70an."* (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:


|

"Sejarah Bangi").

**MAKLUMAT LANJUT: Kampung Baru Cina Bangi (1948)**

## Anak-Anak Bangi





Kiri: "Kanak -Kanak Bangi -sekitar 1948" (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

**Kanan:** "Kelihatan sekumpulan anak - anak Bangi bergambar bersama pada tahun 1948 iaitu tahun bermulanya Darurat di Tanah Melayu setelah mereka melalui peritnya zaman penjajahan Jepun kemudian berdepan pula dengan ancaman keganasan Komunis. Foto tahun 1948, lokasi Kg. Masjid Bangi." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 10 Mei 2025: "Sejarah Bangi. Foto Anak - Anak Bangi.").

## 1950-an: Perkampungan Baru

### Kampung Bahagia



*“Sebelum menjadi sebuah kampung kawasan ini merupakan tempat latihan menembak untuk Polis, Special Constable (SC) dan Home Guard di zaman Darurat. Latihan di sini dijalankan daripada awal Darurat 1948 sehinggalah sekitar tahun 1956. Lokasinya terletak di tanah- tanah lot bertebing di Jalan Aman.*

*Asalnya tanah Kampung Bahagia Bangi ini adalah sebahagian daripada Hutan Simpan Bangi yang dimohon penduduk Bangi sebagai projek pembesaran kampung selepas Merdeka ketika era pentadbiran Menteri Besar Dato' Abu Bakar Baginda.*

*Cadangan awal projek pembesaran kampung ini lokasinya adalah ditanah kawasan seberang Stesen Bangi bersempadan dengan Bangi Estate, namun ada sesetengah orang - orang lama kurang setuju bimbang kalau dibuat perkampungan di sana akan mencemarkan kebersihan air Sungai Bangi yang masih banyak digunakan oleh penduduk Bangi sewaktu itu.*

*Pada tahun 1960 lot - lot tanah di kampung ini telah diserahkan secara rasmi kepada para penduduk yang kebanyakannya berasal dari perkampungan sekitar Bangi. Pak Tapa, Pak Juo, Pak Teramat, Che Lah adalah antara penduduk yang terawal membina rumah mereka di kampung ini. Nenek admin juga merupakan salah seorang penduduk terawal yang menetap di kampung ini sekitar tahun 1962- 63.*

*Pada tahun ini Kampung Bahagia Bangi genap menyambut ulang tahunnya yang ke 65 tahun sejak ia mula diterokai dan dibangunkan pada 1960 sebagai salah sebuah perkampungan tradisi di Bangi yang aman dan bahagia seperti nama yang diberi dan diniatkan sesuai dengan mood negara kita yang baru mencapai kemerdekaan dan tamatnya era Darurat pada waktu itu.*

*Foto - sebuah rumah di Jln.Aman Kg.Bahagia Bangi.*

*catatan ajaizainal Okt. 2025”*

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 10 Oktober 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Kampung](#)

Bahagia Bangi").

## MAKLUMAT LANJUT: Kampung Bahagia (1960)

### Kampung Sungai Tangkas

*"KAMPUNG SUNGAI TANGKAS terletak berhampiran dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bandar Baru Bangi. Kampung ini merupakan kawasan perkampungan Melayu. Pembangunan kawasan ini semakin rancak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970. Selain itu, terdapat landasan kereta api yang melalui kawasan ini telah membawa pengembangan di kampung ini. Stesen komuter UKM telah dibina oleh pihak KTM bagi memudahkan mahasiswa UKM dan lain-lain institusi di Bandar Baru Bangi berulang-alik."* (Kampung Sungai Tangkas, 12 December 2014:

"KAMPUNG SUNGAI TANGKAS").

*"Sungai Tangkas atau Kampung Sungai Tangkas merupakan sebuah perkampungan melayu yang terletak berhampiran dengan Bandar Baru Bangi dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut ketua kampung terkini, pada asalnya kampung ini merupakan sebuah estate ladang getah yang dikenali sebagai Estet Sungai Tangkas,Bangi. Nama Kampung Sungai Tangkas asalnya dari ketangkasan penduduk kawasan tersebut berlawanan dengan tentera Jepun sebelum kemerdekaan negara tercapai iaitu sekitar tahun 1950."* (Pelajar LM2273 Apresiasi Teknologi Maklumat, UKM, 9 Julai 2016:

"SEJARAH KAMPUNG").

*"Sungai Tangkas atau Kampung Sungai Tangkas merupakan sebuah perkampungan melayu yang terletak berhampiran dengan Bandar Baru Bangi dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut ketua kampung terkini, pada asalnya kampung ini merupakan sebuah estate ladang getah yang dikenali sebagai Estet Sungai Tangkas,Bangi. Ladang getah tersebut pada masa itu merupakan tempat penduduk mencari sumber pencarian hidup dengan menoreh getah sebelum penduduk kampung berpindah ke sebuah taman bernama Taman Pantun UKM.*

*Namun begitu, keadaan cuaca yang kerap berlaku hujan lebat menyebabkan Taman Pantun Ukm sering dilanda banjir. Maka penduduk mengambil keputusan untuk berpindah kembali ke Kampung Sungai Tangkas.*

*Nama Kampung Sungai Tangkas asalnya dari ketangkasan penduduk kawasan tersebut berlawanan dengan tentera Jepun sebelum kemerdekaan negara tercapai iaitu sekitar tahun 1950. Kini usia kampung tersebut sudah hampir berusia 60 hingga 70 tahun. Sejak pembukaan kampung ini sehingga kini, seramai lima orang ketua kampung telah mentadbir kampung tersebut. Senarai jawatankuasa terdiri daripada;*

- Seorang ketua kampung
- Seorang setiausaha
- Seorang bendahari, dan
- 12 penduduk kampung sebagai Ahli Jawatankuasa

*Menurut ketua kampung, terdapat beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) dari dalam dan luar kampung bersama-sama membantu ahli jawatankuasa kampung tersebut untuk menguruskan perihal kampung ini. Antara aktiviti-aktivitiyang dijalankan setiap tahun adalah;*

- Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN)
- Program kesedaran kesihatan
- Sukaneka
- Pertandingan sukan rakyat
- Pertandingan bola sepak
- Poco-poco
- Perlumbaan Motocross, dan
- Pertandingan memancing.

Tarikan yang terdapat pada kampung ini adalah kolam memancing ikan dan kedai yang menawarkan servis membaiki kereta pada harga yang murah selain diusahakan oleh 100% bumiputera malah pengusahanya merupakan penduduk kampung itu sendiri. Perancangan untuk masa akan datang adalah untuk menaiktaraf surau kampung menjadi sebuah masjid lantaran jumlah penduduk yang semakin bertambah. Salah satu pencapaian yang menjadi kebanggaan adalah infrastruktur kampung yang pesat membangun semenjak penubuhan UKM pada tahun 1970.

Perbangunan kampung tersebut dikatakan mengambil hampir 4 tahun untuk mencapai infrastruktur seperti sedia ada pada masa kini. Selain itu, penduduk-penduduk kampung masih mengamalkan kegiatan turun temurun iaitu rewang apabila terdapat sebarang kenduri seperti kenduri kahwin, korban, dan sebagainya. Semangat kerjasama dalam kalangan penduduk-penduduk kampung masih terus dipraktikkan sehingga kini. Tambahan pula, acara-acara sukaneka kampung ini seringkali dianjurkan di stadium UKM. Berdasarkan lawatan lokasi, terdapat tapak motocross di dalam kawasan kampung di mana tapak tersebut dibina sendiri oleh penduduk kampung dan setiap dua bulan akan diadakan pertandingan motocross di kampung tersebut. Aktiviti gotong-royong pula diadakan setiap bulan untuk menjamin kebersihan kampung selain mengeratkan hubungan silaturahim dan meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan penduduk kampung.

Terdapat sepuluh jalan dalam kampung ini dan jalan-jalan ini dinamakan Jalan Kelisa 1 sehingga Jalan Kelisa 10. Jalan - jalan tersebut dinamakan sendiri oleh ketua kampung yang ke-3. Keluasan Kampung Sungai Tangkas adalah seluas 45 ekar tidak termasuk taman-taman yang terdapat di sekeliling Sungai Tangkas. Kapasiti penduduk kampung adalah seramai 1500 setakat ini. Pekerjaan kebanyakan penduduk kampung adalah bekerja di sektor kerajaan atau sektor swasta. Terdapat juga bilangan kecil penduduk yang menjalankan perniagaan sendiri. Kedudukan kampung ini sangat strategik kerana ia berdekatan dengan semua kemudahan awam dan juga bandar seperti stesen keretapi UKM, dan Bandar Baru Bangi."

(Sumber: CitraTMUKM @ Blogspot, 14 Januari 2017:

"Kajian Sejarah Kg. Sungai Tangkas, Bandar Baru Bangi, Selangor.").

## Perumahan Batu 6

"Kawasan perumahan PKNS ini dibuka pada awal 80an (kaw.perumahan ini merupakan sebahagian projek besar kerajaan semasa itu untuk mengurangkan kampung -kampung setinggan seluruh negara), kebanyakan penduduknya berkerja di UKM dan MINT (PUSPATI).Penduduk disini bercampur antara penduduk sekitar Bangi dan orang merantau." (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

# Kesan dan Peninggalan

## Dialek Bangi



**Kiri:** "Orang Bangi cakap 'paneh'

bukan panas... 'maleh' bukan malas. Bukan Nogori bukan jugak Minang. Ini bahasa Melayu dialek sempadan negeri Sungai Ujong & negeri Selangor (Bangi asalnya berada diantara dua negeri ini). Kalau pakar linguistik kata bahasa kita ini dialek Langat. Dia macam bahasa Melayu dengan unsur slanga Melayu Sumatera." (Facebook Pekan Bangi, 18 Julai 2025: "[Dialek Bangi](#)").

**Kanan:** "Dialek Kampung Bangi

Ada yang mintak contoh...

Dokat (Kg.Bangi), Dokek (Nogori), Dakek (Minang) - Dekat (B.Melayu).

Pokat (Kg.Bangi), Pokek (Nogori) , Pakek (Minang) - Pekat (B.Melayu).

*Sapo (Kg.Bangi), Siapo (Nogori), Sia (Minang) - Siapa (B.Melayu).*

*Bosa (Kg.Bangi), Godang (Nogori), Gadang (Minang), Besar (B.Melayu)*

*Copat (Kg. Bangi), Copek (Nogori), Lakeh (Minang), Cepat( B.Melayu)*

*Ponat (Kg.Bangi), Ponek (Nogori) , Panek (Minang) - Penat (B.Melayu)*

*Orang Kampung Bangi sila tambah...*

*Ada yang kata macam bunyi dialek Melayu Rokan, ada yang kata ini 'Dialek Langat'. Dialek ini berakar dipusat alam Bangi di Kampung Bangi."*

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 7 Oktober 2025: "[Dialek Kampung Bangi](#)").

[Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.](#)

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

[https://bangi.pulasan.my/awal\\_bangi?rev=1762844448](https://bangi.pulasan.my/awal_bangi?rev=1762844448)

Last update: **2025/11/11 15:00**

